

Oleh Yusmizal Dolah
Aling
yusmizal@hmetro.com.my

24 aduan dalam sebulan

Kuala Lumpur

Meskipun negara kini diletakkan dalam Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), ia tidak bermakna gangguan seksual berkurangan, sebaliknya terus berlaku sama ada berbentuk fizikal mahupun secara dalam talian.

Ini terbukti apabila sepanjang Januari lalu, 24 aduan diterima Pertubuhan Permeriksaan Keluarga (Fame) yang disifatkan sebagai jumlah yang luar biasa untuk tempoh sebulan.

Timbalan Presiden Fame Fadhlina Sidek berkata, 12 daripada kes yang dilaporkan kepada pihaknya adalah berbentuk fizikal manakala baki 12 kes lagi secara dalam talian.

Menurutnya, gangguan seksual berkenaan bukan

Insiden gangguan seksual berterusan walaupun dalam tempoh pelaksanaan PKP



Untuk online (dalam talian), ia dikira sebagai gangguan seks apabila menerima komen seperti mengajak untuk janji temu atau pun penggunaan perkataan yang menjurus kepada keghairahan”

Fadhlina Sidek

saja berlaku kepada golongan wanita, malah lelaki turut menjadi mangsa.

Katanya, ia mungkin disebabkan masyarakat hanya berada di rumah dan me-

layari internet sehingga mengundang kepada perlakuan sebegitu.

“Untuk *online* (dalam talian), ia dikira sebagai gangguan seks apabila menerima komen seperti mengajak untuk janji temu atau pun penggunaan perkataan yang menjurus kepada keghairahan.

“Misalnya ada orang meletakkan gambarnya dan menerima komen mengenai rupa bentuk badan dan sebagainya. Itu juga gangguan seksual,” katanya.

Beliau menjadi panel Webinar Covid-19 - Merungkai Titik-titik Sosial, Tingkah Laku dan Kesejahteraan Masyarakat Malaysia Dalam Mendepani Pandemik Covid-19, secara maya, se-

malam.

Ia dianjurkan Institut Pengajian Sains Sosial Universiti Putra Malaysia dan Institut Penyelidikan Tingkah-laku Kesihatan (IPTK) Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Beberapa panel membincangkan topik berkaitan dengan Prof Madya Dr Haliza Abdul Rahman bertindak sebagai moderator.

Fadhlina berkata, jumlah aduan itu membimbangkan kerana mungkin lebih ramai yang menjadi mangsa, tetapi malu untuk berkongsi dan membuat aduan kepada pihak berwajib.

Sementara itu, Pegawai Pendidikan Kesihatan IPTK, Kamarulzaman Salleh berkata, hasil kajiannya me-

nunjukkan 14.2 peratus daripada lebih 6,000 responden pekerja kesihatan mengalami gangguan mental yang teruk.

Katanya, pekerja kesihatan adalah golongan terjejas dan mereka terpaksa melalui situasi yang begitu meruncing ketika pandemik melanda.

“Ini termasuklah reaksi psikososial, stigma kesunyian kerana ramai orang menganggap Covid-19 ini bahaya.

“Keseluruhannya 58 peratus pekerja kesihatan menunjukkan status kesihatan mental yang baik.

“Kajian juga mendapati 75 peratus mengatakan me-

reka mendapat sokongan penjagaan anak di rumah yang mencukupi,” katanya.

